



## MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

### KENYATAAN TAWARAN

Tarikh Iklan: 21/06/2023

Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang memiliki Sijil-sijil berikut **Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Kota Tinggi, Sijil Kewangan Kementerian Malaysia (KKM), Sijil Bumiputra Kewangan Kementerian Malaysia (Bumiputra KKM)** oleh KKM dan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dalam **Gred dan Kategori** yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	JENIS KERJA	BILANGAN SEBUT HARGA	KELAS	HARGA BORANG SEBUT HARGA (RM)
1.	KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA SERVER DAN BATERI SOKONGAN SERVER (IKLAN SEMULA)	MDKT/ICT/SH/2023/2(IKLAN SEMULA)	210102 DAN 210103	30.00

Naskah Sebut Harga boleh disemak di jabatan berkaitan pada waktu pejabat bermula pada 27/06/2023 (SELASA). Taklimat dan lawatan tapak (sekiranya ada) adalah **DIWAJIBKAN** dan **wakil tidak dbenarkan**.

Dokumen tawaran sebut harga boleh dimuat turun dalam Portal ePerolehan MDKT [eperolehan.mdkt.gov.my](http://eperolehan.mdkt.gov.my) mulai 27/06/2023 (SELASA), sehingga 11/07/2023 (SELASA) selepas pembayaran dibuat.

Harga bagi dokumen tawaran sebut harga adalah sebagaimana dalam jadual di atas. Pembayaran hendaklah dalam bentuk Bayaran Secara atas talian melalui ekhidmat, wang tunai, Draf bank atau kiriman wang di atas nama **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

Dokumen tawaran sebut harga yang tidak mempunyai 'barcode' adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Setiap tawaran sebut harga hendaklah dikemukakan dalam DUA (2) sampul surat berlakri (sealed).


- Sampul surat PERTAMA – CADANGAN KEWANGAN
- Sampul surat KEDUA – CADANGAN TEKNIKAL

Pada sampul surat PERTAMA perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan CADANGAN KEWANGAN manakala pada sampul surat KEDUA perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan CADANGAN TEKNIKAL. Penyebut harga tidak dibenarkan meletak sebarang nama, tanda atau logo syarikat pada CADANGAN TEKNIKAL. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan CADANGAN TEKNIKAL bolehlah dihantar bersama dengan CADANGAN KEWANGAN.

Kedua - dua sampul tersebut (PERTAMA dan KEDUA) kemudianya hendaklah dimasukkan ke dalam SATU (1) sampul surat berlakri (sealed) serta dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan menggunakan sampul surat bermeteri. Tarikh tutup sebut harga adalah pada 11/07/2023 (SELASA) pada jam 12.00 tengahari.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"SEDA MEMBANTU MUDAH URUSAN"

Saya yang menjalankan amanah,

  
(MOHAMMAD NAZRUL BIN ABD RAHIM)

Yang Dipertua,  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI.



Salinan untuk pameran :

1. Pejabat Daerah Kota Tinggi
2. Jabatan Kerja Raya Kota Tinggi
3. Jabatan Pengairan Dan Saliran, Kota Tinggi